



UPM Menang Emas ITEK 2009



Dr. Sieo Chin Chin menerima pingat emas dari President Malaysian Invention & Design Society, Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Augustine S.H. Ong.

KUALA LUMPUR, 19 Mei – Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya memenangi satu pingat emas pada pameran Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEK) di Kuala Lumpur Convention Center (KLCC) baru-baru ini.

Dr. Sieo Chin Chin dari Institut Biosains juga merupakan pensyarah di Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul UPM memenangi pingat emas melalui produk Ruminants to Poultry: Beneficial Microbe and Gene iaitu produk yang mengandungi bakteria penghasil fitase (Mitsuokella Jalaludinii) yang digunakan sebagai makanan tambahan untuk meningkatkan pertumbuhan ayam.

"Jujukan penuh enzim ini juga boleh digunakan untuk meningkatkan nutrisi makanan manusia dan ternakan," katanya.

Timbalan Pengarah Bahagian Promosi Pusat Pengurusan Penyelidikan UPM, Prof. Madya Dr. Irmawati Ramli berkata UPM telah berjaya mendapat satu pingat emas, empat perak dan empat gangsa pada pameran tahunan tersebut.

"Prof. Dr. Fakhru'l-Razi Ahmadun dari Fakulti Kejuruteraan mendapat dua pingat perak, Dr. Zanariah Abdul Majid (Fakulti Sains) dan Mohd Shahrizal Dolah (Fakulti Rekabentuk dan Senibina) masing-masing satu pingat perak," katanya.



Prof. Dr. Raja Noor Zailha menerima anugerah khas selepas majlis tersebut.

Beliau berkata empat pingat gangsa lain diraih oleh Prof. Dr. Razak Alimon dari Fakulti Pertanian, Prof. Ir. Dr. Mohd. Amin Mohd. Soom (Fakulti Kejuruteraan) Dr. Nor Azah Yusof (Fakulti Sains) dan Prof. Madya Dr. Johnson Stanslas (Institut Biosains).

"Dr. Nor Azah Yusof turut mendapat anugerah Malaysia Innovative Product Award melalui produk ImprintSorb for Selective removal of Hg (II) pada pameran tersebut," katanya.

Sementara itu Prof. Dr. Raja Noor Zailha Raja Abdul Rahman dari Fakulti Bioteknologi memenangi anugerah khas iaitu Conferment of Knight Degree (International Order of Merit of Inventors, (IOMI) dari International Federation Invention Association (IFIA) di atas kejayaan beliau menerima 5 siji paten, menfalkan 17 paten di Malaysia dan 10 paten di luar negara untuk projek-projek penyelidikan yang dihasilkan selain pernah memenangi beberapa anugerah di peringkat antarabangsa.

ITEK pada tahun ini menerima 577 penyertaan yang mempertandingkan produk penyelidikan daripada 66 organisasi kerajaan dan swasta dalam dan luar negara serta dianjurkan oleh Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).



Pemenang pingat perak selepas ITEK 09.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti Bahagian Komunikasi Korporat UPM.